



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 26 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TEMPAT KERJA PERLU PUNYAI DASAR JELAS BERKAITAN GANGGUAN SEKSUAL	
	https://suarasarawak.my/tempat-kerja-perlu-punyai-dasar-jelas-berkaitan-gangguan-seksual/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/25/cegah-gangguan-seksual-di-tempat-kerja-fatimah	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/07/25/fatimah-puji-usaha-sarawak-energy-berhad-tangani-gangguan-seksual-di-tempat-kerja/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	RUMAH BONDA OBTAINS LEAVE TO CHALLENGE WELFARE DEPT'S ACTION TO SEAL PREMISES	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/25/rumah-bonda-obtains-leave-to-challenge-welfare-dept039s-action-to-seal-premises	THESTAR.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131167/mahka-mah-rayuan-benar-rumah-bonda-cabar-tindakan-sita-oleh-jkm	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/269981/berita/semasa/rumah-bonda-dibenar-buat-semakan-kehakiman-cabar-sita-premis	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rumah-bonda-cabar-tindakan-sita-dikembalikan-ke-mahkamah-tinggi-429622	ASTROAWANI.COM
	https://www.thesundaily.my/local/rumah-bonda-s-application-for-review-of-jkm-s-seal-order-reverted-to-high-court-LF11279673	THESUNDAILY.MY
	https://themalaysianreserve.com/2023/07/25/rumah-bondas-application-for-review-of-jkms-seal-order-reverted-to-high-court-for-hearing/	THEMALAYSIANRESERVE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991580/rumah-bonda-dapat-kebenaran-cabar-tindakan-penutupan-premis	HMETRO.COM.MY
https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/mahkamah-rumah-bonda-peroleh-kebenaran-cabar-penutupan-premis/	KOSMO.COM.MY	



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	POTENSI INDUSTRI HERBA JANA PENDAPATAN	
	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2023/07/potensi-industri-herba-jana-pendapatan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ADAM ADLI ZIARAH BEKAS ATLET BOLA SEPAK NEGARA, HARUN JUSOH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/adam-adli-ziarah-bekas-atlet-bola-sepak-negara-harun-jusoh/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PEREKA GRAFIK DIDAKWA BUNUH TEMAN WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270001/berita/semasa/pereka-grafik-didakwa-bunuh-teman-wanita	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/mahkamah-lelaki-kacukan-didakwa-sebabkan-kematian-teman-wanita/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/25/pereka-grafik-didakwa-bunuh-teman-wanita/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pereka-grafik-didakwa-sebabkan-kematian-teman-wanita-429655	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/07/pereka-grafik-didakwa-bunuh-teman-wanita/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=HevJVSUhZ8o	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA DAKWA DIGANGGU WARGA ASING	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269956/berita/semasa/wanita-dakwa-diganggu-warga-asing	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SEORANG WANITA DITAHAN PALSUKAN KEJADIAN DIRI DICULIK	
	https://www.youtube.com/watch?v=16_yS16eaYs	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=t0COZFrik4w	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	IKTIRAF PERANAN WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269959/berita/nasional/iktiraf-peranan-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA ACU PISAU PADA SUAMI TAK BERI RM5,000	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991578/wanita-acu-pisau-pada-suami-tak-beri-rm5000	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LELAKI MAUT, WANITA PARAH MOTOSIKAL DINAIKI REMPUH KERETA MASUK SIMPANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/lelaki-maut-wanita-parah-motosikal-dinaiki-rempuh-kereta-masuk-simpang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	NATASHA TERSENARAI KEDUDUKAN KE-282 RANKING GOLF WANITA DUNIA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270051/berita/sukan/natasha-tersenarai-kedudukan-ke-282-ranking-golf-wanita-dunia	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	4 SINDIKET TUMPAS, WANITA JADI PENGHANTAR DADAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/4-sindiket-tumpas-wanita-jadi-penghantar-dadah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	RISDA PERKASA USAHAWAN WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/269949/berita/nasional/risda-perkasa-usahawan-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	KEMATIAN KANAK-KANAK: POLIS SEMAK RAKAMAN CCTV HTAR	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270020/berita/semasa/kematian-kanak-kanak-polis-semak-rakaman-cctv-htar	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kematian-kanak-kanak-di-htar-polis-ambil-19-keterangan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991691/polis-rekod-19-keterangan-berkaitan-kematian-dea-maisarah	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kematian-kanakkanak-polis-semak-rakaman-cctv-htar-429660	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/kematian-dea-maisarah-19-individu-dirakam-keterangan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	[VIDEO] BUDAK 10 TAHUN TERUJA DAPAT STATUS WARGANEGARA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/video-budak-10-tahun-teruja-dapat-status-warganegara/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BAYI 11 BULAN MATI DIPERCAYAI TERSEDAK SUSU	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/991475/bayi-11-bulan-mati-dipercayai-terse-dak-susu	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-11-bulan-maut-terse-dak-susu-di-rumah-pengasuh-429583	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/bayi-11-bulan-meninggal-selepas-dihantar-ke-pengasuh/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/269940/berita/semasa/bayi-11-bulan-meninggal-dunia-dalam-jagaan-pengasuh	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/25/bayi-11-bulan-meninggal-dunia-dalam-jagaan-pengasuh/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-unsur-dera-abai-bayi-terse-dak-susu-di-rumah-pengasuh-polis-429627	ASTROAWANI.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/25/bayi-11-bulan-maut-disyaki-terse-dak-susu/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://selangorkini.my/2023/07/bayi-maut-terse-dak-susu-tiada-unsur-dera-pengabaian/	SELANGORKINI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/07/25/tiada-unsur-dera-kes-bayi-maut-di-rumah-pengasuh-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	AMANG SEKSUAL CUCU JIRAN, WARGA EMAS DIPENJARA SETAHUN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1131397/amang-seksual-cucu-jiran-warga-emas-dipenjara-setahun	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-laku-amang-seksual-cucu-jiran-dipenjara-setahun-429701	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/673180	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WARGA EMAS SERANG GUNA PISAU, ANGGOTA POLIS TERIMA 36 JAHITAN	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/25/warga-emas-serang-guna-pisau-anggota-polis-terima-36-jahitan/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/68074-warga-emas-cederakan-pegawai-anggota-polis-ditahan	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991743/pegawai-polis-terima-36-jahitan-diserang-suspek-kes-curi	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-warga-emas-cederakan-pegawai-anggota-polis-429710	ASTROAWANI.COM
	https://www.nasionalkini.my/jenayah/warga-emas-cederakan-pegawai-anggota-polis-guna-pisau-pemotong-kertas-berjaya-ditahan/	NASIONALKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	SUSPEK BERSAMA IBUBAPA DITAHAN, DISYAKI SUSPEK JENAYAH	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/suspek-bersama-ibubapa-ditahan-disyaki-suspek-jenayah-x8mrec5	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	[VIDEO] DATUK 'STRES', AJAR CUCU BARU KAHWIN BERGAMBAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/25/video-datuk-stres-ajar-cucu-baru-kahwin-bergambar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PROGRAM AMAL ASYURA SANTUNI ASNAF, ERAT UKHUWAH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/program-amal-asyura-santuni-asnaf-erat-ukhuwah/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my


f t @ kpwkm

26/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	HONG LEONG ISLAMIC BANK BANTU IBU TUNGGAL B40 JADI USAHAWAN	
	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/07/1131320/hong-leong-islamic-bank-bantu-ibu-tunggal-b40-jadi-usahawan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	POLIS PANGGIL PEM PengARUH BERKAIT LAPORAN GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/25/polis-panggil-pempengaruh-berkait-laporan-gangguan-seksual/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991531/individu-terbabit-kes-gangguan-seksual-young-syefura-dipanggil-polis-khamis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	SOP KETAT SEBELUM AMBIL JURULATIH- HANNAH YEOH	
	https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/991565/sop-ketat-sebelum-ambil-jurulatih-hannah-yeh	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=2ArX4MzajIA	YOUTUBE



TAJUK : 10 DIDAKWA SELUDUP 35 PENDATANG INDONESIA

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

10 didakwa seludup 35 pendatang Indonesia

Ipoh: Sepuluh lelaki masing-masing lima warga tempatan dan Indonesia, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dakwaan menyeludup seramai 35 migran warga Indonesia termasuk seorang kanak-kanak, bulan lalu.

Tertuduh terdiri daripada Tan Ke Huat, 52; S Ananthan, 48; P A Suresh, 38; Mohd Johan Musa, 38; dan S Sivalingam, serta lima warga Indonesia iaitu Eko Rahmadani, 22; Erfanni, 32; Tuah, 23; Siprianus Nahak Lutan, 36, dan Klau Nofrianus Erick, 34.


Semua tertuduh yang memahami pertuduhan ketika dibacakan dalam bahasa Melayu, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.

Berdasarkan pertuduhan, kesemua mereka secara bersama didakwa melakukan penyeludupan 35 warga Indonesia di kawasan kebun sawit di Batu 10, Segari, dalam daerah Manjung antara 20 hingga 30 Jun lalu.

Oleh itu, mereka melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 26A Akta Anti Pernerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Afiqah Izzati Mazlan, di hadapan Hakim, Azizah Ahmad, dengan lima daripada tertuduh berkenaan diwakili peguam.

Afiqah Izzati memohon mahkamah memberikan tempoh dua bulan bagi urusan merakam percakapan semua 35 migran yang diseludup.



TAJUK : BAYI MATI DIPERCAYAI TERSEDAK SUSU DI RUMAH PENGASUH

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Lokasi rumah pengasuh bayi perempuan 11 bulan maut dipercayai tersedak susu. (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Bayi mati dipercayai tersedak susu di rumah pengasuh

Ibu mangsa terima panggilan anak sudah tak sedarkan diri

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Seorang bayi perempuan 11 bulan maut dipercayai tersedak susu ketika dalam jagaan pengasuhnya di Rumah Awam Ayer Molek, di sini, kelmarin.

Ibu mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Zaidah, 35, berkata dia dihubungi pengasuh

sekitar jam 11 pagi memaklumkan anaknya tidak sedarkan diri dengan badan kebiru-biruan.

Menurutnya, anaknya itu dijaga pengasuh sejak berusia empat bulan.

"Saya hantar anak ke rumah pengasuh kira-kira jam 7.30 pagi sebelum pergi bekerja di Sungai Udang, manakala suami kerja di Pulau Gadong.

"Sekitar jam 11 pagi pagi pengasuh telefon beritahu anak saya tidak sedarkan diri dan tubuhnya sudah kebiru-biruan mungkin sebab tersedak susu.

"Saya memintanya segera bawa anak ke klinik berhampiran sementara saya bergegas ke sana," katanya ketika ditemui pemberita di rumah keluarganya di Kampung Titian Bintangor, Alor Ga-


jah, malam kelmarin.

Tunggu laporan bedah siasat Zaidah yang tinggal di Taman Desa Ayer Molek berkata, setakat ini pihak hospital belum mengesahkan punca kematian anaknya kerana perlu menunggu laporan lengkap bedah siasat.

Terdahulu, jenazah anaknya dikuburkan di tanah perkuburan kampung berkenaan kira-kira jam 10.30 malam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu.

Katanya, setakat ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut sementara menunggu laporan penuh bedah siasat.



TAJUK : PEKERJA RESTORAN ULANG-ALIK 300KM ROGOL REMAJA 14 TAHUN

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Suspek direman seminggu kerana didakwa merogol gadis 14 tahun.
(Foto Alias Abd Rani/BH)

Pekerja restoran ulang-alik 300km rogol remaja 14 tahun

Muar: Seorang lelaki sanggup berulang-alik sejauh hampir 300 kilometer semata-mata mahu melakukan perbuatan teruk terhadap remaja sebelum ditahan kelmarin.

Suspek berusia 22 tahun bekerja di sebuah restoran makanan segera dilaporkan menunggang motosikal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan ke Bukit Kepong, dekat sini sebelum merogol kenalannya di belakang sebuah rumah.

Difahamkan, kejadian berlaku sejak Mac lalu apabila suspek dikatakan membuat temu janji dengan mangsa berusia 14 tahun sebelum mereka bertemu untuk melakukan perbuatan itu dalam kebun sawit.

Kejadian itu bagaimanapun terbongkar apabila abang mangsa hairan adiknya kerap 'hilang' setiap jam 1.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata abang mangsa kemudian menyiasat sebelum mengetahui

adiknya melakukan hubungan seks dengan suspek.

Katanya, susulan itu satu laporan polis dibuat di Balai Polis Bukit Kepong kelmarin berhubung kejadian itu.


"Siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku sejak Mac lalu dan kali terakhir bulan lalu.

"Daripada maklumat diterima suspek akan menghubungi mangsa terlebih dahulu sebelum mereka berjumpa di kebun sawit belakang rumahnya," katanya.

Raiz Mukhliz berkata, bertindak atas laporan dibuat, suspek ditahan untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Mahkamah Majistret mengeluarkan perintah reman seminggu terhadap suspek bermula hari ini.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Fatimah Dalilah Khalid bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol.



TAJUK :	PEREKA GRAFIK HADAPI TUDUHAN SEBABKAN KEMATIAN TEMAN WANITA		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	26 JUL 2023	M/SURAT :	15
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



Sean Edward didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Pereka grafik hadapi tuduhan sebabkan kematian teman wanita

Kuala Lumpur: Seorang pereka grafik didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam, atas tuduhan menyebabkan kematian teman wanita di sebuah kondominium, dua minggu lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh, Sean Edward Kenneth Quinn, 30, sejourus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Majistret, Nurul Izzah Shahrudin.

Ia berikutan kes bunuh berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, Sean Edward yang juga berdarah kacukan Kanada melakukan kesalahan menyebabkan kematian Nurin Najmina Mohd Redzuan, 24, di sebuah kondominium di Jalan Damansara, Bukit Kiara, jam 3 pagi, 12 Julai lalu.


Pendakwaan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang

membawa kepada hukuman mati jika disabitkan kesalahan.

Sean Edward diwakili peguam, Vivek Sukumaran, manakala pendakwaan dikendalikan, Sareeka Balakrishnan.

Majistret kemudian menetapkan 25 September ini untuk sebutan semula kes.

Difahamkan, berlaku pergaduhan antara tertuduh dan mangsa sebelum insiden kematian berkenaan.



TAJUK : RUMAH BONDA DIBENAR CABAR TINDAKAN SITA PREMIS

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Rumah Bonda dibenar cabar tindakan sita premis

Notis lak dikeluarkan JKM didakwa kerana dipengaruhi desakan masyarakat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Rumah Bonda semalam, diberi kebenaran oleh Mahkamah Rayuan untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar tindakan lak (sita) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan ke atas premis itu dua tahun lalu.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk Seri Kamaludin Md Said bersama-sama Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali dan Datuk Collin Lawrence Sequerah sebulat suara membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan rumah kebajikan berkenaan.

Rumah Bonda atau nama rasminya Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur merayu keputusan Mahkamah Tinggi pada 15 November 2021 yang menolak permohonannya untuk memulakan semakan kehakiman terhadap Pengarah JKM Wilayah Persekutuan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung tindakan lak itu.

Rumah Bonda yang memfailkan permohonan itu menerusi pengerusinya, Siti Bainun Ahd



Kakitangan JKM ketika menyita Rumah Bonda pada 12 Julai 2021.

Razali, antara lain mendakwa Tindakan Notis Lak dikeluarkan JKM pada 9 Julai 2021 dan pelaksanaan tindakan itu pada 12 Julai dipengaruhi desakan masyarakat susulan laporan media mengenai dakwaan berlaku penderaan terhadap remaja berumur 13 tahun dikenali sebagai Bella di premis berkenaan.

Kamaludin dalam keputusannya, berkata panel sebulat suara bersetuju ada merit dalam rayuan Rumah Bonda dan semakan kehakiman berkenaan perlu dibicarakan secara substantif di Mahkamah Tinggi.

"Kebenaran diberikan kepada perayu (untuk memulakan pro-

siding semakan kehakiman) dan keputusan Mahkamah Tinggi diketepikan," katanya.

Semakan kehakiman 8 Ogos

Mahkamah kemudian menetapkan pengurusan kes semakan kehakiman berkenaan di Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos ini.

Dalam prosiding yang dijalankan secara sidang video itu, peguam, Asiah Abd Jalil mewakili Rumah Bonda selaku perayu, manakala Peguam Kanan Persekutuan, Nur Idayu Amir bertindak bagi pihak Pengarah JKM Wilayah Persekutuan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Panel itu tidak membuat sebarang perintah berhubung kos.

Melalui permohonan difailkan pada 13 Ogos 2021 itu, Rumah Bonda mendakwa, kedua-dua responden bertindak sedemikian sebagai suatu reaksi terburu-buru selepas desakan masyarakat menuntut JKM dan kerajaan mengambil tindakan tegas ke atas penderaan terbabit, sedangkan remaja berkenaan tiada kaitan dan bukan penghuni rumah itu.


Menurut rumah kebajikan itu, remaja terbabit sebaliknya anak jagaan Siti Bainun yang diperintahkan Mahkamah Kanak-Kanak Kuala Lumpur pada 14 Julai 2021 kepada Siti Bainun atas kapasiti peribadi sebagai rang Yang Layak dan Sesuai.

Terdahulu, Asiah berhujah bahawa Rumah Bonda didaftarkan sejak awal 2019 dan borang serta surat sokongan yang ditandatangani oleh kedua-dua responden sudah dihantar kepada JKM Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, jabatan bomba meluluskan premis itu dan Jabatan Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menetapkan tarikh untuk membuat pemeriksaan, bagaimanapun COVID-19 menyukarkan dua agensi itu membuat pemeriksaan.

Katanya, premis itu disita dan tindakan lak dibuat secara terburu-buru selepas lima hari kes Bella tular di media sosial.

Sementara itu, Nur Idayu berhujah, dakwaan kes itu membatikan kepentingan awam adalah tidak benar kerana tindakan lak dilakukan selepas rumah berkenaan tidak berdaftar dengan JKM Wilayah Persekutuan dan beroperasi secara haram.



TAJUK : 10 LELAKI TAK MENGAKU SALAH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh atas dakwaan menyeludup seramai 35 migran warga Indonesia termasuk seorang kanak-kanak, bulan lalu.

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

SELUDUP 35 MIGRAN INDONESIA

Ipoh

Sepuluh lelaki yang terdiri dari lima warga tempatan serta lima warga Indonesia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dakwaan menyeludup seramai 35 migran warga Indonesia termasuk seorang kanak-kanak, bulan lalu.

Mereka adalah Tan Ke Huat, 52, S Ananthan, 48, P. A. Suresh, 38, Mohd Johan Musa, 38, dan S Sivalingam, selain lima warga Indonesia iaitu Eko Rahmadani, 22, Erfanni, 32, Tuah, 23, Sriprianus Nahak Lutan, 36, dan Klau Nofrianus Erick, 34, memahami pertuduhan yang dibacakan dalam Bahasa Melayu namun mereka mengaku tidak bersalah serta minta dibicarakan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, mereka secara bersama-sama bagi mencapai niat bersama didapati melakukan penyeludupan seramai 35 orang warga mig-

10 lelaki tak mengaku salah

ran Indonesia di sebuah kawasan kebun sawit di Batu 10, Segari, dalam daerah Manjung antara 20 Jun 2023 hingga 30 Jun lalu.

Mereka boleh dihukum mengikut Seksyen 26A Akta Anti Permerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Afiqah Izzati Mazlan di hadapan Hakim, Azizah Ahmad, dengan lima daripada tertuduh berkenaan diwaki-

li peguam.

Tiga tertuduh iaitu Ke Huat, Suresh, dan Sivalingam diwakili peguam R Rajasegaran, sementara tertuduh Eko Rahmadani dan Ananthan masing-masing diwakili peguam Mohamad Khazali Yin serta Kashvinder Singh.

Afiqah Izzati memohon mahkamah memberikan tempoh dua bulan bagi merakam percakapan semua 35 migran yang diseludup.


Mahkamah kemudiannya menetapkan tiada wang jaminan ditawarkan kepada semua tertuduh dan sebutan semula kes ditetapkan pada 25 September depan untuk pengurusan kes serta bagi kes dipindahkan ke

Mahkamah Tinggi.

Azizah berkata, permohonan jamin bagi kes bukan di bawah bidang kuasanya iaitu di Mahkamah Sesyen memandangkan kes akan dipindah dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Ini berikutan kes itu adalah kesalahan keselamatan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA yang akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Sebelum ini, media melaporkan polis menahan 35 warga asing dan dua lelaki tempatan yang dipercayai terbabat dalam kes penyeludupan manusia di Segari dan Sitiawan, di daerah Manjung pada pagi 30 Jun lalu.



TAJUK : BERULANG-ALIK 300KM NAK NODA REMAJA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Berulang-alik 300km nak noda remaja

Muar: Seorang lelaki sanggup berulang-alik sejauh hampir 300 kilometer (km) semata-mata mahu melakukan perbuatan terkutuk terhadap remaja sebelum ditahan kelmarin.

Suspek berusia 22 tahun bekerja di sebuah restoran makanan segera dilaporkan menunggang motosikal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan ke Bukit Kepong, dekat sini sebelum merogol kenalannya di belakang sebuah rumah.

Difahamkan, kejadian berlaku sejak Mac lalu apabila suspek dikatakan membuat temujanji dengan mangsa berusia 14 tahun sebelum mereka bertemu untuk melakukan perbuatan itu dalam kebun sawit.

Kejadian itu bagaimanapun terbongkar apabila abang mangsa hairan adik-



“
Kejadian itu berlaku sejak Mac lalu dan kali terakhir bulan lalu
Raiz Mukhliz

nya kerap 'hilang' setiap jam 1.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata abang mangsa kemudian menyiasat sebelum

mengetahui adiknya melakukan hubungan seks dengan suspek.

Katanya, susulan itu satu laporan polis dibuat di Balai Polis Bukit Kepong Ahad lalu berhubung kejadian itu.


“Siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku sejak Mac lalu dan kali terakhir bulan lalu.

“Daripada maklumat diterima suspek akan menghubungi mangsa terlebih dahulu sebelum mereka berjumpa di kebun sawit terletak belakang rumahnya,” katanya.

Raiz Mukhliz berkata, bertindak atas laporan dibuat, suspek ditahan untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Mahkamah Majistret mengeluarkan perintah reman selama seminggu terhadap suspek bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Fatin Dalilah Khalid bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.



TAJUK : DIDAKWA SEBABKAN KEMATIAN KEKASIH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

RINGKAS

Didakwa sebabkan kematian kekasih


Kuala Lumpur: Seorang pereka grafik dan deejay kacukan Kanada didakwa di Mahkamah Majistret kerana menyebabkan kematian teman wanitanya, dua minggu lalu.

Tertuduh, Sean Edward Kenneth Quinn kelihatan tenang ketika pertuduhan dibacakan dalam bahasa Melayu oleh jurubahasa di hadapan Majistret Nurul Izzah Shahrudin.

“Faham,” katanya ringkas.

Bagaimanapun, tidak pengakuan direkodkan daripada tertuduh berikutan kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, Sean, 30, didakwa menyebabkan kematian Nurin Najmina Mohd Redzuan, 24, di sebuah kondominium di Jalan Damansara, Bukit Kiara, jam 3 pagi, 12 Julai lalu.



TAJUK : IBU YAKIN ANAK TIDAK SONGSANG

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Hari kedua perbicaraan kes amang seksual fizikal membitkan pendakwah selebriti, Pencetus Ummah (PU) Azman di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam mendengar keterangan ibu kepada salah seorang mangsa.

Saksi kelima berusia 45 tahun itu mendedahkan dia yakin anaknya tidak terbabit dalam aktiviti hubungan sejenis, sebaliknya dipaksa oleh tertuduh atau nama sebenarnya Azman Syah Alias, 42.

Dalam keterangan di hadapan Hakim Datin Surita Budin, wanita itu mendakwa anak lelakinya yang kini berusia 18 tahun memberitahu dicabul PU Azman ketika berbual di dapur rumah mereka di Klang, Selangor antara 21 Ogos hingga 29 Ogos 2022.

"Dia (anak) lelaki normal, saya tahu anak bukan macam itu (songsang). Dia cakap PU Azman pegang-pegang, tetapi dia tidak kata pegang di mana, mungkin dia segan nak cakap (dengan saya).

"Saya terkejut dan tergamam bila dapat berita ini, anak kata jangan beritahu ayah sebab dia tahu ayahnya tegas," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh seminggu itu, anaknya mendapat cuti sakit dan hanya berada di rumah selepas terbabit dalam kemalangan motosikal.

Katanya, dia yakin anak kedua daripada lima beradik itu tidak menipu dalam kes amang seksual PU Azman walaupun hanya mengenali penceramah itu di televisyen.

Ketika disoal oleh peguam yang mewakili PU Azman, Fahmi Adilah bahawa adakah dia mengetahui anaknya pernah meminta wang daripada tertuduh.

Wanita itu menjawab tidak tahu, namun satu transaksi wang berjumlah

KES AMANG SEKSUAL PU AZMAN

Ibu yakin anak tidak songsang

RM200 pernah dimasukkan ke dalam akaun banknya daripada pengirim bernama Azman Syah pada 27 Ogos 2022 dengan rujukan rawatan kemalangan.

"Masa itu saya tidak tahu nama sebenar PU Azman adalah Azman Syah Alias. Anak hanya minta nombor akaun bank kerana nak pulangkan duit sebab tersalah buat pesanan.

"Saya pun tidak tanya lanjut, anak kata kawan yang masukkan duit, selepas 2 September 2022 baru saya tahu nama sebenar PU Azman daripada pegawai polis," katanya.

Terdahulu, tertuduh yang turut dikenali dengan nama Cik Man tiba di Kompleks Mahkamah Seremban, di sini, kira-kira jam 9.30 pagi dengan memakai baju berwarna hijau serta berkopiah.

Dalam pada itu, saksi keenam berusia 20 tahun yang juga kenalan kepada seorang mangsa dilihat kurang selesa ketika memberi keterangan berikutan kehadiran PU Azman dalam kandang tertuduh.

Lelaki itu memaklumkan dia menjadi mangsa seksual tertuduh dan mengetahui seorang rakannya turut menjadi mangsa selepas bertanya sendiri bagi mendapatkan kesahihan.

"Saya yang tanya pada dia (mangsa lain) sebab dia rapat dengan Cik Man, selepas saya sendiri kena gangguan seksual.

"Kejadiannya itu berlaku di rumah saya di Klang pada 10 Jun 2022,

masa itu ada ibu, adik, saya, dia (mangsa lain) dan Cik Man," katanya.

Mahkamah kemudian memutuskan prosiding perbicaraan dijalankan secara tertutup selepas saksi keenam itu dilihat tidak selesa yang mana tertuduh diperintahkan duduk di bahagian belakang (kerusi orang awam) dan dihadang dengan tirai.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi, Husni Fairoz Ramly dan Goh Hsiao Tung manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir.

Seramai 26 saksi dijangka dipanggil sepanjang perbicaraan ini yang bermula kelmarin hingga 28 Julai depan.

Pada 12 Oktober 2022, PU Azman didakwa atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.


Berdasarkan pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau.

Kesalahan itu dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara, Sendayan di Nilai pada 6 Julai tahun lalu.

Selain itu, PU Azman turut berdepan tujuh lagi pertuduhan berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukannya terhadap dua kanak-kanak dan seorang remaja di Mahkamah Shah Alam, Klang dan Ampang.



PU Azman ketika hadir di Mahkamah Sesyen Seremban.



TAJUK : PEMPENGARUH DIPANGGIL UNTUK BERI KETERANGAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pempengaruh dipanggil untuk beri keterangan

Bentong: Pempengaruh media sosial yang dipercayai terbabit kes gangguan seksual terhadap Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman sudah dipanggil bagi memberi keterangan polis.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Zaiham Mohd Kahar berkata, lelaki berusia 21 tahun terbabit diminta hadir, esok.

“Siasatan dijalankan selepas polis menerima laporan daripada pegawai khas ahli parlimen itu pada 17 Julai lalu.

“Suspek akan hadir di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong pada pagi 27 Julai ini untuk diambil keterangan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, siasatan terbabit dijalankan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan


Multimedia 1998.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan Young Syefura membuat dua laporan polis di IPD Bentong masing-masing berhubung kes penipuan dan juga gangguan seksual oleh seorang pempengaruh media sosial terhadapnya.

Young Syefura dilaporkan berkata, pempengaruh itu mengeluarkan kenyataan seksis dan berunsur lucah yang dianggapnya sebagai gangguan seksual dalam video yang dimuat naik ke akaun TikTok serta Instagram.

Dalam video yang dimuat naik, pempengaruh terbabit menyebut beberapa perkataan lucah berserta lenggok bahasa badan yang menyebabkan ahli parlimen itu tidak selesa.

Video itu kemudian tular dan dikongsi banyak pihak lain.



TAJUK : POLIS JEJAK WARGA ASING KERAP MENGHENDAP WANITA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEURRAL

SEKTOR : KPWKM

Polis jejak warga asing kerap menghendap wanita

Kuala Lumpur: Polis mengesan seorang lelaki warga asing disyaki menghendap seorang pekerja kedai serbaneka di Taman Sri Serdang dekat sini, seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, suspek dikatakan sering memerhati dan mengganggu wanita itu di tem-

pat kerja termasuk pada 22 Julai lalu jam 11 pagi.

Katanya, kejadian itu dipercayai bermula sejak awal tahun ini dan menyebabkan emosi pengadu terganggu serta bimbang keselamatan dirinya.

“Difahamkan suspek bekerja sebagai pencuci kereta berhampiran tempat kerja pengadu.

“Suspek berpindah tempat kerja baharu pada

April lalu, tetapi masih datang mengganggu pengadu di tempat kerja,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Anbalagan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 507A Kanun Keseksan atas kesalahan menghendap yang membawa hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan. - Bernama



TAJUK : POLIS RAKAM 12 KETERANGAN SAKSI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

PENEMUAN BOM DALAM KERETA SITI KASIM

Polis rakam 12 keterangan saksi

Kuala Lumpur: Polis tidak menerima sebarang laporan membabitkan ugutan terhadap peguam, Siti Zabedah Kasim atau lebih dikenali sebagai Siti Kasim.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti suspek.

“Setakat ini, memang tidak ada sebarang laporan berhubung ugutan, polis juga sudah meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

“Polis juga sudah merakam 12 keterangan saksi termasuk mangsa, pemilik bengkel, anggota keselamatan mahkamah dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela),” pada sidang media, semalam.

Terdahulu, Ayob Khan merasmikan Majlis Penyerahan Bendera sempena Kejohanan World Police dan Fire Games Winnipeg 2023 di Bukit Aman.

Beliau berkata, berdasarkan laporan awal dari Unit Pemusnah Bom (UPB) me-

mang terdapat bahan yang boleh menyebabkan letupan.


“Kajian terperinci akan dijalankan, jadi kita tunggu laporan penuh penganalisis makmal.

“Siasatan bergantung pada bukti, kena tengok siapa mangsa, dari situ kita akan mungkin akan dapat petunjuk, mungkin masalah perniagaan, masalah sakit hati, keluarga, hutang dan pelbagai motif yang boleh digunakan untuk balas dendam,” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 7 Akta Letupan 1957.

Pada Jumaat lalu, Siti Kasim membuat laporan polis berhubung penemuan dua botol plastik menyerupai bahan letupan yang diletakkan di brek bahagian tayar belakang kereta jenis Toyota Celica milik peguam dan aktivis sosial itu.

Siti Kasim menyedari objek itu ketika menghantar kenderaannya ke pusat servis kereta di Jalan Marrof, kira-kira 12 tengah hari.



TAJUK : RUMAH BONDA CABAR TINDAKAN SITA JKM

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Rumah Bonda cabar tindakan sita JKM

Putrajaya: Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur (Rumah Bonda) berjaya dalam rayuan mendapatkan kebenaran memulakan prosiding semakan kehakiman di Mahkamah Rayuan semalam bagi mencabar tindakan lak (sita) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan ke atas premis itu dua tahun lalu.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk Seri Kamaludin Md Said bersama-sama Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali dan Datuk Collin Lawrence Sequerah sebulat suara memutuskan keputusan itu selepas membenarkan rayuan rumah kebajikan itu.

Rumah Bonda merayu keputusan Mahkamah Tinggi pada 15 November 2021 yang menolak permohonan memulakan semakan kehakiman terhadap Pengarah JKM Wilayah Persekutuan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung tindakan lak itu.

Rumah Bonda yang memfailkan permohonan itu menerusi pengerusinya Siti Bainun Ahd Razali antara lain mendakwa




Terdapat merit dalam rayuan ini dan kami bersetuju bahawa isu ini perlu dibicarakan secara substantif”

Kamaludin

Tindakan Notis Lak dikeluarkan JKM pada 9 Julai 2021 dan pelaksanaan tindakan itu pada 12 Julai dipengaruhi desakan masyarakat susulan laporan media mengenai dakwaan berlaku penderaan terhadap remaja berumur 13 tahun dikenali sebagai Bella di premis berkenaan.

Kamaludin dalam keputusannya berkata, panel sebulat suara bersetuju terdapat merit dalam rayuan Rumah Bonda dan semakan kehakiman berkenaan perlu dibicarakan secara substantif di Mahkamah Tinggi.

“Terdapat merit dalam rayuan ini dan kami bersetuju bahawa isu ini perlu dibicarakan secara substantif. Kebenaran memulakan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi adalah dibenarkan,” katanya.



TAJUK : SURI RUMAH MENANGIS BARANG KEMAS RM116K DIBELI TERBUKTI PALSU

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suri rumah menangis barang kemas RM116K dibeli terbukti palsu

Betong: Seorang suri rumah menangis sebaik mengetahui pelbagai barang kemas bernilai lebih RM100,000 dibelinya adalah emas palsu.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, mangsa sebelum ini mengiklankan pencarian *dropship* menerusi Facebook.

Beliau berkata, pada 27 Jun lalu, mangsa dihubungi suspek iaitu seorang wanita melalui WhatsApp, menyatakan minat menjadi *dropship* bagi mencari pelanggan yang ingin menjual emas atau pelanggan yang ingin menjual emas digadai di kedai pajak.

“Mangsa dengan modal kewangan daripada kawannya, melakukan 20 transaksi pembayaran kepada akaun bank suspek di antara 1 hingga 7 Julai lalu


berjumlah RM116,000. Ia bagi tebusan emas kononnya dari kedai pajak gadai dan pembelian emas daripada pelanggan.

“Pada 11 Julai lalu, melalui penghantaran menggunakan bas ekspres daripada Miri ke Kuching, suspek menghantar barang kemas seberat 347.78 gram kepada mangsa.

“Barang kemas itu kemudian diperiksa ketulenanannya di kedai emas kawan mangsa di Kuching dan mendapati ia emas palsu,” katanya, semalam.

Katanya, mangsa menyedari ditipu apabila meminta semula wangnya dan suspek menyatakan tidak dapat kerana wang itu digunakan untuk urusan lain.

Susulan itu, beliau berkata, mangsa tidak berpuas hati membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.



TAJUK : **TEMPUH UJIAN BERGANDA**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **26 JUL 2023**

M/SURAT : **10**

STONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Temerloh

Barat sudah jatuh ditimpa tangga apabila seorang ibu tunggal, Salliza Yaacob, 47, berdepan dugaan berganda apabila tidak hanya terbahit kemalangan, malah kehilangan kedai makannya akibat kebakaran.

Wanita itu berkata, dua dugaan besar dihadapinya itu menyebabkan dia hilang sumber pendapatan bagi membesarkan empat anak.

"Saya kini hanya mampu terlantar di rumah akibat kemalangan jalan raya pada 27 Mac lalu menyebabkan paha dan betis kiri patah," katanya.

Menurutnya, akibat nahas itu, dia terlantar selama dua bulan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) sebelum dibenarkan pulang ke rumah.

"Saya terkejut apabila kedai makanan dan minuman yang diusahakan sejak 2012 musnah akibat kebakaran pada 15 Jun lalu.

"Saya anggap ini semua ujian dari Allah SWT dan reda dengan kejadian yang berlaku. Mungkin ada rezeki lebih baik pada masa akan

Tempuh ujian berganda

Ibu tunggal terlantar akibat nahas buntu kedai makan diusahakan pula terbakar



KEADAN kedai makan Salliza yang musnah dalam kebakaran.

datang," katanya.

Dia bersyukur apabila dua anaknya, Mohd Nur Shameer Mohd Norisham, 17, dan Nur Qaseh Mohd Norisham, 13, banyak membantu menguruskan dirinya.

"Kadang kadang rasa sedih dan kasihan kerana mereka berdua masih bersekolah. Sebelum pergi dan pulang sekolah, mereka sibuk menguruskan saya.

"Saya berharap segera pu-

lih dan dapat kembali berniaga," katanya yang memerlukan modal kira-kira RM3,000 bagi tujuan itu.

"Ketika ini saya terima bantuan RM200 disumbangkan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) selain RM300 diberikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meringankan beban," katanya.




Saya anggap ini semua ujian dari Allah SWT dan reda dengan kejadian yang berlaku. Mungkin ada rezeki lebih baik pada masa akan datang"

Salliza Yaacob



SALLIZA tidak dapat bergerak kerana patah paha dan betis kiri akibat terbahit kemalangan pada 27 Mac lalu. - Gambar NSTP/ ROSELAN AB MALEK



TAJUK : **TUBUH DAH KEBIRUAN**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **26 JUL 2023**

M/SURAT : **04**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



LOKASI rumah pengasuh bayi perempuan 11 bulan maut dipercayai tersedak susu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Tubuh dah **kebiruan**

Bayi 11 bulan maut dipercayai tersedak susu di rumah pengasuh

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang bayi perempuan berusia 11 bulan maut selepas dipercayai tersedak susu ketika dalam jagaan pengasuhnya di Ayer Molek di sini, kelmarin.

Ibu mangsa yang mahu dikenali sebagai Zaidah, 35, dari Taman Desa Ayer Molek di sini, berkata dia dihubungi pengasuh kira-kira jam 11 pagi memaklumkan keadaan anaknya tidak sedarkan diri dan badan kebiru-biruan.

Menurutnya, anaknya di-

jaga oleh pengasuh terbabit sejak berusia empat bulan berikutan dia dan suami bekerja.

"Saya hantar anak ke rumah pengasuh kira-kira jam 7.30 pagi (kelmarin) sebelum pergi bekerja di Sungai Udang manakala suami pula bekerja di Pulau Gadong.

"Sekitar jam 11 pagi (kelmarin) pengasuh telefon beritahu anak saya tidak sedarkan diri dan tubuhnya sudah kebiru-biruan mungkin sebab tersedak susu.

"Saya memintanya segera membawa anak ke klinik

berhampiran sementara saya bergegas ke sana," katanya ditemui di rumah keluarganya di Kampung Titiang Bintangor, Alor Gajah, malam kelmarin.

Zaidah yang tinggal di Taman Desa Ayer Molek berkata, setakat ini pihak hospital belum mengesahkan punca kematian anaknya kerana perlu menunggu laporan lengkap bedah siasat.

Terdahulu, jenazah anaknya dikebumikan di tanah perkuburan kampung berkenaan kira-kira jam 10.30 malam kelmarin dengan dihadiri ahli keluarga terdekat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan dan menunggu laporan penuh bedah siasat bayi perempuan terbabit.

Menurutnya, siasatan awal polis setakat ini tidak mengesan sebarang unsur penderaan atau pengabaian terhadap mangsa.

"Pengasuh wanita berusia 34 tahun itu juga tidak ditahan, namun siasatan lanjut masih dijalankan sehingga laporan penuh bedah siasat diperolehi.

"Setakat ini kes diklasifikasikan mati mengejut," katanya dihubungi, di sini, semalam.

Anak dijaga pengasuh terbabit sejak berusia empat bulan



TAJUK : POLICE ON THE TRAIL OF SERDANG STALKER

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

CAR WASH WORKER

Police on the trail of Serdang stalker

KUALA LUMPUR: Yet another stalking incident has come to light, this time in Serdang, Selangor.


Serdang police chief Assistant Commissioner A.A. Anbalagan said a car wash worker was alleged to have been stalking a convenience store employee and disturbing her at her workplace in Taman Sri Serdang since early this year.

The latest incident occurred on July 22 while she was working at the shop, prompting the victim to lodge a report.

He said the man was reportedly transferred to a new outlet back in April, but he would still come to look for the victim.

“She is emotionally disturbed and concerned over her safety.

“Police have launched an investigation and are in the midst of tracking the man.”



TAJUK : 'CLEAR SEXUAL HARASSMENT POLICY A MUST IN EVERY WORKPLACE'

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Home

'Clear sexual harassment policy a must in every workplace'

KUCHING: Every workplace must have a clear policy stressing that no form of sexual harassment would be tolerated, said Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

She added that there must also be a system in place at the in workplace for reporting and investigating cases of sexual harassment, and for a range of actions that could be taken against the perpetrators.

The minister stressed that any probe launched must be conducted fairly, and confidentiality to be accorded to both the accuser and the accused, adding that there should be no party seeking retribution on anyone.

According to her, in most abuse cases, the person reporting it is likely to be in a position of less

power than the accused.

"Policy is a start, not an end. All employers need to know about it – not just those in their posts when it is launched, but also those who join the company afterwards.

"It (policy) also needs to be known by the sub-contractors and members of the public who have dealings with the company.

"The workplace is not just a building where the employees sit in," she said when officiating at the 'Zero Tolerance for Sexual Harassment' programme at Sarawak Energy Bd (SEB) Tower here yesterday.

Fatimah also reminded all about sexual harassment being a serious matter regardless of where it took place – be it at the workplace, on the street or within one's social and family networks.

She said when sexual harassment 'is hidden, ignored, tolerated or even in some settings,

it is part of the work culture, the firm is hurting itself as well as its employees'.

"Those staff members who are being targeted will be hurting, and it will cause their productivity and loyalty to the firm to drop. It will add to staff turnover and those remaining will be fearful, upset and angry.

"When the public learn about the sexual harassment, the firms that have been found wanting in taking action will be headline news for all the wrong reasons," she added.

Adding on, Fatimah commended the SEB for taking steps to raise awareness of sexual harassment to ensure that every staff member would be equipped with the necessary knowledge to address and combat this serious issue.

"There may be a lot of things to think through and put in place,


but I am confident that SEB has the commitment towards achieving its goal.

"I am so proud of Sarawak Energy – you are facing these challenges and acting by launching your programme today. I am confident you will be a role model within the corporate sector."

According to Fatimah, Malaysia's Anti-Sexual Harassment Act 2022 also requires companies, like SEB, to actively educate their employees about and raise their awareness of sexual harassment by displaying relevant posters and materials.

"Furthermore, any company that fails to act against incidents of sexual harassment at the workplace could be fined up to RM50,000 per incident."

SEB group chief executive officer Datu Sharbini Suhaili was also present at the session.



TAJUK :	BETONG HOUSEWIFE LOSES RM116,000 TO GOLD SCAM		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	26 JUL 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Betong housewife loses RM116,000 to gold scam

KUCHING: A housewife in her early 30s from Betong has lost RM116,000 in a gold scam.

Sarawak police commissioner Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri said in a statement the victim had advertised for a dropship agent on Facebook.

"On June 27, 2023, a woman (suspect) contacted the victim via WhatsApp expressing interest in becoming a dropship agent to find customers interested in selling pawned gold or gold items at pawnshops.

"The victim, using financial assistance from her friend, then made 20 payment transactions to the suspect's bank account between July 1, 2023 and July 8, 2023 amounting to RM116,000," he said.

Mohd Azman explained that these transactions were purportedly for redeeming gold

On June 27, 2023, a woman (suspect) contacted the victim via WhatsApp expressing interest in becoming a dropship agent to find customers interested in selling pawned gold or gold items at pawnshops.

Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri

from pawnshops and purchasing gold from the suspect's customers.

"On July 11, 2023, the suspect sent a parcel weighing 347.78 grams, said to contain gold, to the victim via an express bus from Miri to Kuching.

"The victim had the gold item inspected at her friend's gold shop in Kuching, only to find out that it was fake gold," he said.

The victim only realised she

had been deceived when she requested for her money back but was told by the suspect it could not be returned as it had been used for other matters.

Feeling dissatisfied, the victim lodged a police report.

The public are advised not to engage with unknown individuals offering gold sales.

Victims of cyber scams such as phone scams, love scams, e-commerce scams, non-existent loans, and others can contact the


National Scam Response Centre (NSRC) on 997.

Those who have just made a money transfer to a suspect's bank account or e-wallet are encouraged to report it immediately.

The public can also download the Whoscall application from the Google Play or Apple App Store to screen incoming calls.

To check whether a phone number or bank account belongs to a suspect, use the Scammers CCID check application or visit <http://semakmule.rmp.gov.my> before proceeding with any financial transaction.

